

**Konsep Bekerja Satu Pasukan Kunci Kejayaan BN : Lajim
Bernama
13 Disember, 2011**

BEAUFORT (SABAH), 13 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Lajim Ukin berkata satu daripada kunci kejayaan Barisan Nasional mengekalkan sokongan rakyat pada pilihan raya umum ialah konsep bekerja dalam satu pasukan.

"Jika dalam bola sepak ada satu pasukan, dalam politik pun mesti ada satu pasukan. Kalau ada dua pasukan, jadi masalah," katanya.

Lajim, yang juga pengerusi BN Parlimen Beaufort, berkata semangat seumpama itu perlu diamalkan oleh setiap pemimpin dalam kompenan BN dan bukan sekadar retorik.

"Sebagai contoh, jika BN menganjurkan program ia sepatutnya dihadiri bersama oleh ahli-ahli BN. Jangan ada pertindihan umapamanya satu pihak anjur satu program, pihak lain juga anjurkan program di tempat lain pada hari yang sama.

"Kalau ini berlaku ianya jelas menunjukkan tiada semangat kekeluargaan BN. Semangat kekeluargaan BN seharusnya dibudayakan," katanya.

Lajim berkata semangat berpasukan amat penting kerana BN bakal menghadapi cabaran kuat pada pilihan raya umum yang akan datang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633755>